


PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

1 - 15 DISEMBER, 2024

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Agroteknologi baharu

## 'tambat hati' belia

**SEKTOR** agromakanan negara termasuk di Pulau Pinang tidak terkecuali daripada menerima impak globalisasi yang mana penggunaan teknologi pintar terbaharu diakui bukan sahaja mampu meningkatkan produktiviti malah mengukuhkan keterjaminan makanan pada masa hadapan.

Hal ini secara tidak langsung mengubah persepsi segelintir pihak, khasnya golongan belia yang menganggap bahawa pertanian adalah kerjaya lapuk dan hanya sesuai untuk mereka yang lebih berusia serta menggunakan alatan tradisional seperti cangkul, tajak, pangkas, penggembur, penyiram dan lain-lain.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** cuba mendapatkan gambaran mengenai landskap pertanian kini dengan menemu bual dua agropreneur muda yang terlibat secara aktif dalam sektor agromakanan di negeri ini.

**MOHAMAD AMIRUL AKMAL ABDULLAH**, 32, berkata bahawa sektor agromakanan kini telah berkembang seiring dengan perkembangan teknologi.

"Sektor pertanian, khasnya agromakanan kini jauh lebih mudah berbanding dahulu, yang mana kini proses tanaman dan proses untuk mendapatkan pulangan hasil adalah lebih singkat dan cepat.

"Saya sendiri menerapkan penggunaan Sistem Pertanian Pintar atau *Smart Farming System* (SFS) secara automasi, baik untuk pembajaan, penyiraman dan juga pemantauan tanpa perlu ke kebun, hanya menggunakan telefon pintar.

"Jauh bezanya pertanian tradisional dulu yang menggunakan banyak peralatan seperti cangkul, pemangkas dan sebagainya, tetapi dengan perkembangan teknologi, proses bertani itu menjadi mudah," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.



TANAMAN sayur menggunakan struktur berpara.



FAHMI Zainol.

Beliau yang telah berkecimpung dalam sektor agromakanan sejak empat tahun lalu mengakui bahawa penggunaan teknologi moden seperti sistem internet pelbagai benda (IoT) telah membantu meningkatkan kecekapan pengurusan di kebunnya.

"Berbanding cara lama, kini dengan adanya sistem moden, misalnya sistem fertigasi moden yang saya gunakan ini, secara tidak langsung telah memudahkan proses bancuhan baja.

"(Dan) sejak setahun lalu, hasil bantuan injektor venturi yang diterima daripada kerajaan, telah mengurangkan keperluan membaja secara manual kerana campuran baja yang dibancuh kini boleh disekalikan sewaktu proses penyiraman," jelasnya yang turut membangunkan sistem sendiri untuk tanaman yang diusahakan di kebunnya.

Apabila ditanya sebab memilih untuk bertani, Mohamad Amirul Akmal memberitahu bahawa landskap pertanian digital yang menggunakan IoT dan teknologi kecerdasan buatan (AI) hakikatnya menjadi 'penambat hati' untuk beliau memilih kerjaya sebagai agropreneur muda.

"Orang muda kini masih menganggap bahawa bertani ini memerlukan kita memegang cangkul di bawah panas terik dan teruk tapi sebenarnya tidak perlu pun dengan adanya sistem moden.

"Hanya menggunakan telefon pintar, kita boleh pantau termasuk tahap kelembapan polibeg, nutrien tanaman kita, sama ada cukup atau tak…jadi nak ke mana pun mudah.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Pendigitalan agromakanan anak muda tempatan

"Saya juga ada membangunkan sistem sendiri bersama-sama sahabat saya dan berhasrat untuk berkongsi dengan orang ramai sebagai pendedahan terutama kepada orang muda untuk menarik minat mereka terlibat dalam sektor pertanian.

"(Hal ini) bukan sahaja dapat menjamin keterjaminan makanan tetapi kita juga tak perlu lagi mengimport dari negara luar.

"(Dan) dari segi itu, saya harap Kerajaan Negeri dapat menyediakan platform untuk kami bangunkan sistem IoT supaya dapat diperluas bukan hanya dalam sektor tanaman sayur sahaja.

"Apabila kita menggunakan sistem yang dibangunkan oleh orang tempatan, maka dari segi kos penyelenggaraan dapat dikurangkan," katanya yang mengusahakan kebun di Tapak Kekal Pengeluaran Tanaman (TKPM) Ara Kuda; Kampung Guar Perahu dan Kampung Kubu dekat Penanti.

Antara tanaman yang diusahakannya adalah labu manis, petola, kacang panjang, peria, labu air dan timun.

Mohamad Amirul Akmal pernah menerima Anugerah Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2023 (Kluster Pertanian - Agromakanan) dan merupakan Tokoh Pekebun Kecil Agromakanan Negeri Pulau Pinang.

Seorang lagi agropreneur muda berusia 31 tahun, **AHMAD HEDRI MUZAMMIL ABDUL MALIK**, turut menjalankan penanaman sayuran secara fertigasi.

Menurutnya, beliau memulakan projek tanaman sayur di Kampung Guar Perahu kerana minat setelah melihat beberapa rakan yang turut mengusahakan kebun tanaman sayur-sayuran.

"Saya mula pada tahun 2015 di atas tanah pusaka milik keluarga yang mana pada masa itu hanya 1,000 polibeg cabai hidup (cili).

"Kemudian pada 2016 saya menyewa pula sebidang tanah kira-kira 4 ekar di Padang Menora serta mengusahakan tanaman secara konvensional.



**MOHAMAD Amirul Akmal Abdullah.**

"Pada 2022, saya memulakan penanaman menggunakan sistem IoT dan alhamdulillah, kini di Padang Menora saya mempunyai lebih 10,000 polibeg dengan plot-plot berbeza untuk tanaman sayur secara berperingkat," ulasnya yang turut mengusahakan tanaman sayur di TKPM Ara Kuda dan Sungai Jarak dekat Tasek Gelugor.

Menurut pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Geomatik itu, kini beliau mengusahakan tanaman secara sistem fertigasi menggunakan struktur berpara yang mana ia mengurangkan risiko kemungkinan tanaman rosak akibat banjir.

"Tapak tanaman saya terletak berdekatan sungai, selain risiko serangan serangga dan kulat, kawasan tersebut juga berkemungkinan dilanda banjir, jadi struktur secara berpara ini lebih efektif, cuma perlu ditambah baik lagi pada masa hadapan," katanya yang sambil menceritakan bahawa beliau pernah kerugian akibat fenomena air pasang besar dan hujan lebat pada tahun 2017 dan awal Oktober lalu.

Walau bagaimanapun, Ahmad Hedri Muzammil tidak mudah patah semangat dan berharap lebih ramai anak-anak muda menceburi bidang pertanian terutama secara fertigasi.



**SISTEM injektori venturi yang digunakan kini.**

"Hasil dan kualiti tanaman lebih baik daripada (menjalankan tanaman) secara konvensional lagipun pihak Jabatan Pertanian Negeri sentiasa membuka peluang untuk sesiapa sahaja yang berminat.

"Teknik (tanaman secara fertigasi) ini juga jauh lebih mudah, mudah untuk *control* termasuk penyakit bawaan tanah, malah, kepedasan cili (misalnya) dapat dikawal menggunakan sistem ini," jelasnya yang mahu menambah baik sistem IoT menggunakan injektor venturi pada masa hadapan.

Sementara itu, Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** ketika ditemui berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun ini telah memohon peruntukan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk pembangunan agroteknologi tempatan.

"Fokus utama kita (Kerajaan Negeri) adalah sektor pendigitalan agromakanan yang mana kita bekerjasama dengan syarikat yang membangunkan pendigitalan agromakanan oleh anak-anak muda tempatan.

"(Dan) untuk tahun hadapan pula, kita juga akan memohon peruntukan untuk pembangunan platform IoT terbaharu termasuk projek 'duri agri' iaitu tanaman durian menggunakan sistem IoT yang diperkenalkan oleh salah seorang profesor dari Universiti Sains Malaysia (USM).

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan membawa masuk inovasi pertanian moden menggunakan kontena yang mana ia bakal memberi pulangan tinggi kepada pengusaha, juga dibangunkan oleh pihak USM," ujarnya.

Mengulas mengenai penglibatan golongan belia dalam agroteknologi di negeri ini, Fahmi memberitahu bahawa pihaknya membuka 'pintu' seluas-luasnya untuk sebarang cadangan penambahbaikan membabitkan agroteknologi dan keterjaminan makanan negeri.

"Saya ingin mempelawa mana-mana agropreneur muda yang mempunyai ssebarang cadangan atau inovasi berkaitan agromakanan boleh hantar kertas kerja atau mengadakan janji temu di pejabat saya.



**AHMAD Hedri Muzammil Abdul Malik meneliti salah satu tanaman yang diusahakan di kebunnya.**

"Bukan itu sahaja, mulai tahun hadapan, mana-mana syarikat rintis *(startup)* yang mempunyai teknologi pertanian *agritech* (juga dikenali) sebagai agroteknologi untuk diketengahkan, boleh menyertai *Penang Agritech Startup Accelerator Program.*

"Program ini adalah bertujuan untuk mengumpul semua syarikat rintis yang bertapak di Pulau Pinang, mengetengahkan inovasi mereka untuk digunakan dalam sektor agromakanan.

Menyentuh tentang Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada Oktober lalu, Fahmi berkata, peruntukan sebanyak RM300 juta kepada KPKM iaitu penambahan sebanyak RM150 juta (2024) menunjukkan kesungguhan dalam menjalinkan kerjasama projek-projek pertanian dengan pihak kerajaan negeri.

"InsyaAllah peluang untuk mendapatkan peruntukan bagi projek-projek pertanian yang dirancang pada peringkat negeri adalah cerah.

"Tahun ini pun, kita telah menerima peruntukan bagi projek pertanian pintar menggunakan sistem IoT bagi tanaman padi sebanyak RM500,000 dalam usaha meningkatkan pengurusan dan hasil tuaian," katanya.

**SELAIN mengusahakan kebun, Mohamad Amirul Akmal Abdullah (berbaju merah) turut memberi tunjuk ajar kepada para pelajar yang ingin mengetahui tentang sistem fertigasi IoT.**



# empowerNCER: beri manfaat golongan B40

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN JERMAL** - Seramai 450 peserta program empowerNCER: Kemahiran dan Keusahawanan bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) masing-masing menerima sijil tamat latihan.

Majlis penganugerahan sijil tamat latihan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat *PICCA Convention Centre @ Butterworth* di sini pada 19 Oktober lalu.

Dalam ucapan beliau, Kon Yeow berkata bahawa pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) termasuk Program empowerNCER telah memberi manfaat kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40).

"Program empowerNCER: Kemahiran Dan Keusahawanan ini menyasarkan penyertaan seramai 150 orang yang berkelayakan daripada kumpulan B40 dari setiap daerah di Negeri Pulau Pinang.

"Terdapat 14 jenis Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) telah ditawarkan kepada peserta empowerNCER di ketiga-tiga daerah berkenaan yang dikelaskan mengikut tahap berdasarkan kapasiti perniagaan dan pendapatan masing-masing.

"Pelaksanaan program ni juga telah meningkatkan skala perniagaan peserta dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan yang berdaya maju," katanya ketika berucap.

Hadir sama, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan; Pegawai Daerah SPU, Rosmin Yaakob; Pegawai Daerah SPT, Dato' Kamarul Haizat Koderat; Ketua Penolong Pegawai Daerah SPS, Muhaili Mat Saat; Pengarah Jabatan Ekosistem Perniagaan dan Sekretariat Pejabat Ketua Eksekutif NCIA, Datin Shahdee Dato' Ahmad dan Pengarah Knowledge Centre (PKC), Urusan Profesional, N. Selva.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa Program empowerNCER turut memberi bimbingan menyeluruh kepada peserta dalam aspek formalisasi perniagaan, peningkatan mutu produk, pendigitalan serta pendedahan pasaran melalui penyertaan dalam ekspo dan karnival.

"Selain itu, pelaksanaan program empowerNCER ini juga memberi tumpuan kepada penempatan pekerjaan bagi menyokong ekosistem dan keperluan bakat oleh pelabur yang membolehkan peserta mencapai kestabilan dan kemampanan ekonomi.

"Justeru, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, serta tenaga pengajar yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu dalam melahirkan modal insan dan usahawan yang berkualiti di negeri ini," ujarnya.



KETUA Menteri turut meluangkan masa melawat ke ruang pameran dan reruai yang ada sempena majlis penganugerahan tamat latihan program empowerNCER : Kemahiran dan Keusahawanan bagi daerah SPU, SPT dan SPS di sini baru-baru ini.

Pada masa sama, Kon Yeow memaklumkan bahawa NCIA juga giat membangunkan projek-projek berimpak tinggi di negeri ini seperti Galeri Arkeologi Guar Kepah dan *Penang Durian Valley @Relau*.

"Galeri Arkeologi Guar Kepah telah siap pembinaannya dan telah diserahkan kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) serta dijangka dibuka tidak lama lagi.

"*Penang Durian Valley @Relau* pula dijangka akan siap pada tahun 2026.

"Oleh itu, saya sarankan kepada semua usahawan terlibat untuk mengambil peluang-peluang yang muncul daripada kesan limpahan ekonomi projek-projek seperti ini untuk mengembangkan perniagaan masing-masing," serunya.

Sementara itu, Mohamad Haris yang turut berucap sebelum itu berkata bahawa sejak 2019, program empowerNCER telah memberi manfaat kepada lebih 12,000 peserta di serata NCER dengan purata pencapaian peningkatan pendapatan sebanyak 316 peratus.

"Daripada jumlah tersebut, seramai hampir 10,000 peserta telah menceburi bidang keusahawanan manakala lebih 1,500 telah diserap dalam bidang pekerjaan yang dibimbing oleh penyedia perkhidmatan.

"Secara khususnya pula, bagi peserta empowerNCER sesi 2022/2024 di Pulau Pinang, seramai 652 daripada 750 peserta sedang bergiat aktif di dalam bidang keusahawanan dengan pencapaian peningkatan pendapatan sebanyak 87 peratus, melepasi sasaran awal iaitu 80 peratus," katanya.



**ANTARA graduan program empowerNCER yang berjaya menamatkan latihan masing-masing.**




**CHEW Bee Leong menunjukkan rekaan feri yang mengambil masa sembilan bulan untuk disiapkan.**

# Replika kreatif hasrat buka ruang

**SEJAK** tahun 2006, ratusan replika hasil tangan individu bernama **CHEW BEE LEONG**, 68 tahun berjaya dihasilkan demi minat dan hobinya yang tersendiri.

Menurut Bee Leong, sepanjang menghasilkan karya demi merealisasikan minat tersebut, beliau sebenarnya tidak pernah mendapatkan kelas atau mempelajari ilmu rekaan tersebut secara formal.

"Semuanya dihasilkan sendiri hasil buah fikiran saya, memang bukan senang, sebaliknya memerlukan kesabaran tinggi serta kreatif kerana ada replika yang memerlukan sampai berbulan-bulan untuk disiapkan.

"Pada tahun 2006, saya mencipta lampu meja dan replika Piala Dunia dengan saiz yang sama (ukuran kasar 14 inci) dan beberapa lagi model yang sama," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** dekat perumahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Lebuh Ah Quee, George Town.

Paling mencuri tumpuan adalah replika feri ikonik Pulau Pinang yang mana lebih 90 peratus rekaan sama dengan reka bentuk asal feri tersebut.

Tidak cukup dengan itu, kelengkapan bahagian pelantar, bilik kapten, ruangan kemudi, pintu, tangga dan lain-lain juga hampir sama dengan feri asal termasuk hiasan model kereta mainan yang dicat semula.

"Feri ini dihasilkan pada tahun 2021 bermula bulan Mac dan siap sepenuhnya menjelang hujung tahun.

"Saya telah menghabiskan masa berjam-jam untuk meninjau feri sahaja, berkali-kali naik motosikal, ambil gambar di setiap sudut dan balik semula ke George Town.

"Naik feri, turun di Butterworth, minum kopi, kira-kira hampir dua atau tiga jam baru ada feri untuk balik ke pulau, sebab masa itu ada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), jadi perjalanan feri pun terhad," maklumnya yang pernah bekerja sebagai juruteknik penyelenggaraan di sebuah gimnasium.

Bee Leong menyatakan bahawa cabaran menghasilkan sesebuah replika sudah pastinya tertumpu kepada bahagian-bahagian yang sangat halus.

Menurut beliau, dianggarkan dalam sehari, empat hingga lima jam digunakan untuk menghasilkan sesuatu replika.

"Sebab perkara ini perlu bermain dengan idea serta kreativiti, kalau sukar untuk dibuat, saya akan rehat dan cari idea.

"Contohnya replika-replika dalam botol, semua cantuman itu diakukan di dalam botol tersebut menggunakan peralatan yang telah saya ubah suai.

"Apabila idea dan ilham datang barulah saya akan sambung semula kerja-kerja tersebut," jelas anak kelahiran George Town itu lagi.



**BUTIRAN rekaan yang amat teliti.**

Bercakap mengenai jualan, buat masa ini Bee Leong belum melihat ke aras tersebut walaupun sedar ia mampu mendatangkan hasil yang lumayan.

Beliau lebih selesa membuat replika-replika tersebut sebagai hobi dan memenuhi masa lapangnya.

"Susah kalau nak jual, untuk lakukan kerja macam ini, tidak boleh kerja bawah tekanan, ada masa buat, kena fikir panjang, bila melibatkan pelanggan dia akan tanya berapa lama boleh siap.

"Itu antara cabaran yang sukar untuk saya penuhi, takut nanti tidak memenuhi cita rasa pelanggan.

"Lagi pun ingin beli hasil ini seperti ingin 'beli otak' saya jugalah, ia bukan beli hasil semata-mata, sebab saya sudah curahkan kreativiti, idea dan banyak masa diluangkan untuk hasilkan satu-satu replika," ulasnya yang turut berhajat mendapatkan mesin pencetakan tiga dimensi (3D).

*(Sambungan di muka 5).*





**ANTARA koleksi arca dalam botol.**

(Sambungan dari muka 4).

# dan terperinci

## pameran sendiri

Sekiranya ada mesin 3D, Bee Leong mampu menghasilkan replika manusia untuk ditambah pada model feri ikonik miliknya.

Difahamkan, kini Bee Leong juga sedang berusaha menyiapkan beberapa lagi feri ikonik dan feri baharu.

Bercakap mengenai perancangan masa hadapan, Bee Leong berharap agar ada pihak yang bermurah hati untuk menghulurkan dana bagi membuka dan menyewa ruang pameran.

“Kalau boleh, (bahagian) bawah tempat saya buat kerja, (bahagian) atas pula adalah ruang pameran dan setiap kemasukan dikenakan bayaran berpatutan, itulah impian saya untuk mengembangkan karya seni ini,” katanya mengakhiri bicara.



SENTUHAN rekaan kereta mini dengan tema Pulau Pinang.




TEKNIK menghasilkan arca dalam botol.



IR. Ts. Mohd. Nazri Yasmin.

# Projek ban pantai persiapan hadapi fenomena air pasang besar

**TELUK AIR TAWAR -** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Persekutuan dan Pulau Pinang sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pembinaan ban pantai sepanjang 1.5 kilometer (km) di persisir pantai Bagan Ajam, Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Selain projek itu, Pengarah JPS Negeri, Dato’ Ir. Ts. Mohd. Nazri Yasmin berkata bahawa terdapat dua lagi projek mitigasi iaitu membina ban pantai sepanjang 2.3km di Pantai Byram, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan ban pantai sepanjang 4.0km di pantai Mak Mandin, Juru, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

“Hasil usaha Kerajaan Negeri (Pulau Pinang), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan (sejumlah RM12.14 juta) membabitkan tiga projek untuk Pulau Pinang.

“Tujuan pelaksanaan ketiga-tiga projek ini adalah untuk melindungi kawasan penduduk, harta benda dan infrastruktur berkaitan daripada risiko limpahan air masin (laut) di sepanjang kawasan penempatan penduduk serta pertanian (dekat persisir pantai),” jelasnya dalam sesi taklimat kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 19 Oktober 2024.

Menurut beliau, kerja-kerja mitigasi banjir berkaitan telah dilaksanakan sejak awal tahun ini dan dijangka siap pada tahun d=epan atau 2026.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa pihaknya berharap ketiga-tiga projek tersebut dapat mengurangkan risiko bencana air pasang besar dan hakisan di negeri ini, kelak.

“Saya berharap lebih banyak projek seumpama ini dapat dilaksanakan di Pulau Pinang (iaitu) bahagian pulau dan Seberang Perai demi melindungi (kawasan penempatan penduduk dan pertanian) daripada fenomena air pasang besar dan hakisan,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Ksawan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Zulkifli Long dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Baderul Amin Abdul Hamid turut sertai lawatan berkenaan bagi meninjau persiapan menghadapi fenomena air pasang besar berserta hujan lebat dekat sini baru-baru ini.




KERJA mitigasi banjir giat dijalankan.

# Deklamator puisi ikon remaja impi anjur 'Malam Puisi Al-Azim'



MUHAMMAD Al-Azim Mohd. Effendi mahu cipta nama ke luar negara.

PADA pertengahan bulan September lepas, **MUHAMMAD AL-AZIM MOHD. EFFENDI**, 17, yang mewakili negeri Pulau Pinang telah muncul sebagai pemenang pingat gangsa dalam Sayembara Deklamasi Puisi Artistik Hari Malaysia Ke-5 Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 anjuran Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia (PEMUISI) di Shah Alam, Selangor.

Kemenangan itu telah membawa kepada penggelaran sebagai deklamator puisi artistik kebangsaan Malaysia.

Di Pulau Pinang, beliau turut digelar sebagai pemuisi remaja negeri.

Baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** sempat menemu ramah ikon remaja berkenaan pada 14 Oktober lalu.

"Cikgu Norhayati Othman, merupakan salah seorang penulis sastera di negeri Pulau Pinang yang mana pada zaman sekolah, beliau yang mempelawa saya melibatkan diri dalam aktiviti deklamasi puisi.

"Sejujurnya saya tidak tahu cara mendeklamasikan puisi, beliau yang mendorong dan mengajar saya.

"Mulanya saya diminta membaca puisi secara mudah, kemudian baru diajar berkaitan intonasi… penyampaian puisi ada nada-nada tersendiri.

"Cuba masuk pertandingan (sayembara) dan Cikgu Norhayati bantu saya (memenangi pertandingan tersebut," jelasnya yang kini merupakan penuntut di Kolej Vokasional Nibong Tebal.

Lima tahun bergelumang dalam dunia sastera terutamanya sebagai pendeklamator puisi, Muhammad Al-Azim mengaku bahawa beliau tidak sangka akan mewakili negeri Pulau Pinang dan memenangi sayembara di ibu negara baru-baru ini.

"Sebagai pendeklamator puisi artistik, alhamdulillah paling jauh saya menerima jemputan adalah dari negara Brunei Darussalam pada tahun lepas (2023).

"Rakaman puisi saya deklamasikan ditayangkan di negara itu, dan saya sendiri telah dijemput menjadi duta pertandingan (sayembara) di negara tersebut.

"Sebelum saya ke sayembara itu, hampir sebulan saya mempersiap diri dengan dibantu oleh Puan Nadhilah Suhaimi yang merupakan seorang deklamator dan juga Puan Noraza Abdul Aziz dari Universiti Sains Malaysia (USM).

"Selain itu, sebelum saya terbang ke ibu negara bagi menyertai Sayembara Deklamasi Puisi Artistik Hari Malaysia Ke-5 Peringkat Kebangsaan Tahun 2024, saya turut diberi penghormatan untuk mendeklamasi puisi artistik di depan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT) Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

"Jemputan mendeklamasikan puisi artistik di depan TYT adalah suatu penghargaan buat diri saya sendiri sebagai 'orang baru' dalam dunia sastera puisi ini," ujarnya sambil mengaku banyak menerima jemputan menyampaikan puisi sama ada dalam majlis rasmi kerajaan, sekolah, universiti mahupun acara-acara korporat.

## Puisi memang ada tarikan tersendiri

Kalau menonton filem Kembara Seniman Jalanan (1986) yang diarahkan oleh Nasir Jani umpamanya, generasi hari ini akan sedar betapa aktiviti mendeklamasi puisi memang berada pada kedudukan istimewa dalam kegelisahan masyarakat bawahan (marhaen).

Filem tersebut menonjolkan macam mana aktiviti seni jalanan termasuk menghasilkan sajak dan puisi berkembang secara organik dalam masyarakat kota raya semasa era 1970-an dan 1980-an.

10 tahun kemudian, Pyan Habib atau nama sebenarnya Mohd. Supyan Abdul Rahman (Allahyarham) yang merupakan pelakon pembantu dalam filem Kembara Seniman Jalanan bersama-sama beberapa pendeklamator puisi lain mencetuskan fenomena melalui aktiviti 'baca puisi bawah tiang lampu'.

Mengakui kagum dengan barisan pendeklamasi sajak terdahulu negara, Muhammad Al-Azim menyatakan bahawa beliau paling kagum dengan ketokohan Ahli Dewan Negara, Senator Profesor Emeritus Datuk Seri Dr. Awang Sariyan yang banyak menulis buku ilmiah, buku umum, buku teks, kamus dan buku kumpulan puisi serta ratusan rencana jurnal meliputi pelbagai bidang terutama kesusasteraan Melayu Malaysia.

"Selain Cikgu Norhayati yang banyak mendedahkan dunia kesusasteraan serta puisi kepada saya, ada banyak sebenarnya pemuisi yang memberi inspirasi kepada saya, antaranya Dr. Awang Sariyan.

"Sejak darjah enam saya berkecimpung dalam dunia kesusasteraan khusus berkaitan puisi, orang tak kenal dunia kita sebenarnya, mereka hanya melihat hasil kejayaan sahaja dan tidak melihat usaha di sebalik kejayaan.

"Kalau boleh, saya memang nak tumpu dalam bidang puisi ini, biar bakat berkembang dari bidang ini.

"Teras masih puisi, terapi saya akan cabar diri untuk berjinak-jinak dalam dunia peragaan atau *modeling*," ulasnya lanjut.

Anak kelahiran Kampung Permatang Damar Laut berkenaan berkata, kalau boleh beliau mahu terus mara ke hadapan dengan membawa nama Pulau Pinang.

"Kalau boleh Muhammad Al-Azim tak mahu fokus pada pertandingan, sebaliknya di pertunjukan kerana wadah persembahan akan membawa nama saya dan negeri Pulau Pinang ke luar nagara.

"InsyaAllah, pada hujung tahun depan, saya harap dapat menganjurkan konsert tersendiri iaitu 'Malam Puisi Al-Azim' yang akan menghimpunkan semua deklamator negara, sasterawan negara dan pemuisi tanah air dalam satu pentas persembahan, yang pastinya diadakan di negeri kelahiran saya iaitu Pulau Pinang," jelasnya sambil mengharapkan sokongan daripada pihak berkaitan termasuk Kerajaan Negeri.



**PENGHAYATAN menjadi kunci penyampaian puisi yang mantap.** ***(Gambar : Facebook Muhammad Al-Azim Mohd. Effendi)***

# Pasang impian buka kilang muruku jenama ZAMIJA



SHAHLIJA Aishah Nagoor menunjukkan salah satu produk muruku yang dihasilkan di kedainya.

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**ASIMILASI** budaya dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia termasuk di Pulau Pinang sebenarnya boleh dilihat dalam pelbagai jendela termasuk dalam soal mengusahakan pengeluaran makanan tradisional yang dikaitkan dengan kaum tertentu secara komersial.

Contohnya, muruku yang sinonim dengan kebudayaan makanan masyarakat India di negara ini, tetapi kian digemari oleh orang Melayu serta sering kali dijadikan salah satu juadah semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri.

**SHAHLIJA AISHAH NAGOOR**, 53, berkata bahawa beliau sejak 17 tahun lepas mengusahakan pengeluaran pek muruku kerana ada permintaan hampir sepanjang tahun terutama semasa menjelang Aidilfitri.

"Secara tidak rasmi, sebenarnya saya sudah menjual muruku sejak 17 tahun lepas, cuma sejak 2023 perniagaan ini didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Muruku jenama Zamija ini adalah gabungan nama suami saya, Mohamed Zamri dan nama saya (Shahlija)," jelasnya semasa sesi temu ramah di kedainya dekat *I-Park*, Jalan Rajawali 9, Bayan Lepas di sini pada 25 Oktober 2024.

Bercerita lanjut, Shahlija Aishah menyatakan bahawa mulanya beliau hanya mengikuti kelas membuat kuih anjuran pihak Giat Mara Bukit Bendera.

"Muruku, memang ada permintaan terutama pada musim perayaan termasuk menjelang Hari Raya Puasa.

"Muruku jenama Zamija ini memang saya buat sendiri, dari proses menguli tepung, menggoreng sampai pek dan jual.

"Pada peringkat awal, saya berniaga muruku Zamija memang secara *'offline'* (yang mana) para pengunjung boleh membeli sama ada di kedai kami ataupun di kedai-kedai terpilih.

"Kebiasaannya saya mendapat tempahan awal bagi pelanggan-pelanggan tradisi untuk dijadikan juadah semasa Hari Raya Puasa dan majlis-majlis rumah terbuka sempena musim perayaan.

"Di samping itu, ada juga pelanggan membuat tempahan untuk majlis resepsi atau kenduri kahwin dan sebagainya," ujarnya semasa sambil memberitahu bahawa pada peringkat awal pemasaran lebih menumpu kepada kaedah *'offline'* sahaja.

Shahlija Aishah memberitahu bahawa muruku jenama Zamija kian mendapat sambutan apabila produk tersebut mula dipasarkan secara dalam talian juga.

"Saya bertuah kerana perniagaan muruku jenama Zamija kini kian berkembang selepas ada rakan kongsi iaitu kedua-dua anak lelaki saya, Mohamed Zulhilmi, 30, dan Mohamad Zulhairi, 25.

"Mohamed Zulhilmi semasa masih melanjutkan pengajian peringkat diploma pentadbiran perniagaan di *Segi College* (dekat Padang Kota) lagi telah sepenuh masa membantu perniagaan saya, begitu juga anak kedua saya (Mohamad Zulhairi) yang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Dalaman di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Masih saya ingat, macam-macam kaedah pemasaran dalam talian kami bertiga buat… apabila orang bercakap era pendigitalan pemasaran, kami mula memasarkan dengan menggunakan *Facebook*.

"Dari platform *Facebook*, kami berpindah kepada *TikTok* apabila ramai memperkatakan capaian media baharu itu lebih mencapah.

"Ternyata, pemasaran menggunakan *TikTok* memang berkesan… tiap-tiap hari (bekerja) kecuali Jumaat dan Sabtu, kami menerima tempahan maksimum 20 kilogram (kg) jenama Zamija.

"Hasil nasihat anak-anak, saya buat *'live' TikTok* selama tiga hingga enam jam sehari, mempertontonkan secara langsung bagaimana muruku jenama Zamija dihasilkan dari peringkat uli tepung sampai peringkat pembungkusan.

"Rata-rata pelanggan dalam talian adalah pelanggan tradisi *(regular customer)*… muruku jenama Zamija mendapat tempat di hati para pelanggan tradisi kami kerana mereka tahu produk kami sedap, 'stok baru masak dan terus dibungkuskan'," ulasnya lanjut.

Walaupun telah ada produk teras iaitu muruku jenama Zamija, Shahlija Aishah berkata bahawa beliau juga turut memasarkan pek makanan *'retort'*.

"Selain belajar macam mana nak menghasilkan muruku sedap dan berkualiti, saya juga belajar teknik *'retort'*, jadi saya turut memasarkan beberapa makanan *'retort'* juga secara dalam talian dengan jenama Zulija.

"Zulija ini macam 'produk bersaudara' bagi muruku jenama Zamija.

*(Sambungan di muka 9).*

## Kembangkan prospek perniagaan melalui pensijilan Halal JAKIM

**SEBERANG JAYA –** Seramai 50 usahawan dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya menerima sumbangan berjumlah RM2,000 setiap seorang daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa sumbangan membabitkan peruntukan keseluruhan RM100,000 itu adalah sebagai suntikan modal bagi membantu usaha mengembangkan lagi perniagaan mereka.

"Saya berharap agar agihan sumbangan yang diterima melalui program ini dapat dimanfaatkan dengan penuh rasa tanggungjawab oleh setiap peserta untuk mengembangkan lagi perniagaan melalui pensijilan Halal Malaysia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," katanya ketika berucap pada program Jelajah Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang KADUN Seberang Jaya 2024 di sini 14 Oktober 2024.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Halal International (PHI), Mohd. Azraie Ramli dan Penyelaras KADUN Seberang Jaya, Fayyadh Afiq Abbakqry Jaafar Sidek.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad memberitahu bahawa jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di Pulau Pinang meningkat kepada 1,742 syarikat setakat September tahun ini.

"Pada tahun 2008, terdapat 56 syarikat yang memiliki pensijilan halal di negeri ini manakala pada tahun ini telah meningkat kepada 1,742 buah termasuk syarikat berkaitan produk makanan, bahan gunaan, premis perniagaan, hotel, rumah sembelihan, kosmetik dan logistik.


DR. Mohamad Abdul Hamid.

"Sejak awal Januari hingga September 2024, data pemegang SPHM di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 77 peratus dikuasai oleh syarikat bukan Muslim (bukan bumiputera dan milikan asing) manakala baki 23 peratus lagi pula dimiliki oleh syarikat Muslim bumiputera," jelasnya.

Tambahan pula menurut beliau, menjelang tahun 2030, industri halal domestik diunjurkan mencapai USD$113.2 seperti yang dilaporkan dalam Pelan Industri Halal Malaysia 2030 (HIMP 2030).

"Hal ini sudah pasti memberi indikator penting buat kita untuk lebih proaktif dalam meningkatkan bilangan pemegang pensijilan halal Malaysia JAKIM di negeri Pulau Pinang seterusnya memanfaatkan prospek yang bakal berkembang dalam industri halal menjelang 2030," katanya.

# TheFat.Burger

## burger '*homemade*' ala Barat



BURGER *homemade* cita rasa lokal.




SUASANA pada waktu malam di *TheFat.Burger*.



MUHAMMAD Ashwad Jalani.

**S**IAPA sangka dengan hanya berniaga secara kecil-kecilan di sekitar Tokong Ular dekat Jalan Sultan Azlan Shah, kini berjaya mengusahakan kedai sendiri, *TheFat.Burger* yang kian popular di Bayan Baru.

Pengusahanya, **MUHAMMAD ASHWAD JALANI**, 26, sempat berkongsi sedikit sebanyak latar belakang perniagaannya dalam satu sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** pada 25 September lalu.

### Latar belakang

Menurut Muhammad Ashwad atau lebih mesra digelar Fat Ash, idea perniagaan ini tercetus bersama-sama isterinya, Nur Syawalia Md. Sofi sejak dari zaman belajar lagi sekitar tahun 2018.

"Ketika sedang melanjutkan pelajaran, pada masa sama saya komited memikirkan cara untuk menambahkan lagi pendapatan.

"Minat saya pada ketika itu adalah '*food hunting*' dan menjalankan perniagaan, maka saya dan isteri membuat keputusan untuk memulakan perniagaan makanan iaitu burger.

"Kemudian, saya dan isteri mula tumpang berniaga di sebuah kedai makan sekitar Tokong Ular pada tahun 2018 hanya bermodalkan RM2,000 kerana hanya bergelar pelajar pada ketika itu.

"Saban tahun berlalu, perniagaan telah mula berkembang lalu saya dan isteri membuat keputusan untuk berpindah ke kedai sendiri di *The One*, Bayan Baru dan telah menapak selama enam tahun di sini," ujarnya.

Tambah Fat Ash, keselesaan pelanggan serta servis yang terbaik merupakan keutamaannya sewaktu mengendalikan *TheFat.Burger*.

"Ketika mula berpindah ke kedai baharu, negara kita mula ditimpa pandemik COVID-19 yang memerlukan seluruh rakyat untuk mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Perniagaan pada ketika itu sedikit terjejas, akan tetapi setelah perintah untuk hanya membungkus dikeluarkan, kian ramai pengunjung yang datang untuk membuat pesanan, sejak itu *TheFat.Burger* mula dikenali ramai.

"Dahulunya hanya berdua bersama isteri, kini saya dibantu 25 staf untuk memberikan servis dan layanan yang terbaik," jelas beliau yang juga merupakan seorang pempengaruh media sosial.

### Burger popular di *TheFat.Burger*

Fat Ash turut berkongsi setiap menu burger yang dihasilkan merupakan ciptaannya sendiri dan banyak prosedur penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilakukan bagi menghasilkan burger mengikut tekak lokal.

"Saya banyak melihat video pembuat burger bukan sahaja dari seorang pengusaha kedai makan, malahan juga pempengaruh media sosial dari negara Barat sebagai pencetus idea untuk menu di *TheFat.Burger*.

"Baru-baru ini saya turut mengeluarkan menu baharu iaitu '*The Fat Brisket Burger*' dan telah mendapat sambutan yang hangat kerana ramai tahu *brisket* (daging bahagian dada lembu) sememangnya popular di negara Barat.

"Di samping itu, antara menu lain yang menjadi '*signature*' dan merupakan burger lokal *homemade* ala Barat sudah tentu '*The Fat Mess Burger*', 'Burger Ayam Terkapit' dan 'Burger Tiga Beradik'.

"Saya juga turut bersyukur dengan rezeki yang diberikan, tidak sangka juga ramai yang sanggup datang dari jauh semata-mata untuk merasa keistimewaan burger di sini.

"Kuantiti burger setiap malam juga mampu mencapai sehingga 800 biji serta menjamu 160 pelanggan pada satu-satu masa," ujarnya yang turut menyajikan menu sampingan seperti kentang goreng dan air perisa berkarbonat.

Di samping itu, *TheFat.Burger* turut menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan secara dalam talian melalui aplikasi *GrabFood, FoodPanda* dan *ShopeeFood* setiap hari kecuali Isnin bermula jam 4:30 petang sehingga 11:30 malam.

### Cabaran dan harapan

Menyingkap detik awal mula berniaga, Fat Ash akui pelbagai liku perlu dihadapi bersama isteri dek masih belum mempunyai premis sendiri.

"Sudah tentu banyak cabaran yang saya dan isteri perlu hadapi, ditambah pula bermula pada usia muda, tetapi dengan semangat dan kegigihan dalam diri, kami berjaya buktikan tohmahan orang sekeliling tidak benar dan kejayaan boleh dikecapi.

"Selain itu, saya juga turut menghadiri kelas perniagaan bagi menimba lebih ilmu serta perbaiki elemen yang terkurang, di situ juga merupakan titik perubahan yang saya perolehi serta mula belajar banyak perkara baharu.

"Bagi saya, maklum balas pelanggan amat penting dalam perbaiki lagi servis di sini, oleh itu saya memperkenalkan *The Fat Feedback* sebagai satu medium maklum balas para pelanggan.

"(Dan) dari situ saya ambil apa yang boleh diperbaiki lagi serta menunjukkan hasil yang terbaik kepada pelanggan, kerana sudah tentu kepuasan pelanggan keutamaan kami di *TheFat.Burger*," jelasnya lanjut.

Menjawab mengenai perancangan masa hadapan, Fat Ash turut menyatakan bahawa beliau ingin membuka sebuah lagi cawangan di bahagian Utara.

"Di *The One*, saya sudah mula menyewa sebuah lagi premis kedai bagi memuatkan lebih ramai pelanggan, kawasan parkir juga agak mudah apabila habis waktu bekerja di sini.

"Di samping itu, jika diberikan rezeki yang lebih sudah tentu saya ingin mengembangkan perniagaan dengan membuka sebuah lagi cawangan di Utara juga, pengumuman rasmi akan dilakukan nanti.

"Bagi menambah penglibatan *TheFat.Burger*, saya juga ingin menjadi penaja bagi kelab bola sepak yang baru ingin menapak sebagai suntikan semangat terhadap mereka.

"(Dan) jika diberi kesempatan pada masa hadapan sudah tentu saya ingin menjadi salah satu penaja bagi kelab bola sepak negeri, *Penang Football Club* (PFC) kelak," ujarnya menutup bicara.





MENU yang terdapat di *TheFat.Burger* diminati oleh golongan muda.

*(Sambungan dari muka 7).*

## Hargai sokongan pelanggan



ANAK-ANAK yang menjadi sumber kekuatan Shahlija Aishah Nagoor untuk kembangkan perniagaannya.

"Ada macam macam pek makanan *'retort'* jenama Zulija yang turut kami pasarkan sama ada secara *'offline'* mahupun dalam talian antaranya kari ayam, kari daging, kari ikan masin dan makan laut, masak merah ayam dan daging, kari ikan, sup ayam atau daging."

"Bagi suami isteri bekerja, makanan berasaskan *'retort'* jenama Zulija ini memang ada permintaan untuk memenuhi selera seisi keluarga di rumah," jelasnya.

Di sebalik kejayaan yang dikecapi, Shahlija Aishah memberitahu bahawa ia adalah sokongan pelbagai pihak sama ada secara langsung atau sebaliknya.

"Pertama sekali, saya bersyukur kerana rakan kongsi perniagaan saya ini ialah anak-anak saya sendiri, mereka yang banyak membantu kerja-kerja pembungkusan produk tiap-tiap hari mengikut pesanan pelanggan, juga melakukan kerja-kerja pemasaran secara dalam talian.

"Tidak dilupakan juga adalah sokongan yang tak berbelah bahagi pelanggan…pelanggan tradisi kami bukan sahaja orang Melayu malah kaum-kaum lain juga.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah memberi bantuan modal menerusi skim mikro kredit SPH (Skim Pinjaman Harapan) berjumlah RM5,000 pada tahun lepas, semasa kami 'putus modal' untuk membeli barang dan meningkatkan pengeluaran produk muruku jenama Zamija menjelang musim perayaan Hari Raya Puasa tahun lepas (2023)," ujarnya.

Mengakhiri bicarawara, Shahlija Aishah berharap perniagaan muruku jenama Zamija boleh kian berkembang pada masa hadapan.

"Setakat ini, muruku jenama Zamija bukan sahaja dipasarkan ke seluruh negara, malah secara *'hand carry'* telah sampai ke Uzbekistan dan Madinah Al-Munawwarah… pengeposan produk kami ke luar negara pun telah sampai di (Republik Rakyat) Singapura.

"Walaupun muruku ini adalah makanan yang sinonim dengan kaum tertentu, saya lihat muruku jenama Zamija ini telah mendapat tempat di hati pelanggan kami yang pelbagai kaum - bukan sahaja Melayu, malahan juga telah sampai ke luar negara.

"Dengan adanya permintaan ini, saya dan anak-anak (sebagai rakan kongsi) memang berharap dapat meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran produk permintaan semasa pelanggan, mungkin selepas ini perlu ada sebuah kilang untuk muruku jenama Zamija ini," ulasnya.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA** YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218 |
